

Ruj kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD.5 (85)

## **MBPJ TERUSKAN TRADISI BULAN RAMADAN**

Sempena bulan Ramadan pada tahun ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengadakan majlis penyampaian kain batik, kain pelikat dan bubur lambuk serta penyampaian sumbangan Persatuan Kebajikan MBPJ.

Seperti lazimnya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan memberikan bubur lambuk kepada seluruh warga kerja MBPJ sama ada yang beragama Islam mahupun bukan sebagai tanda penghargaan di atas komitmen kerja yang diberikan bagi memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada penduduk di Petaling Jaya.

Pada tahun ini, pihak Majlis telah memberikan penghormatan kepada jabatan kejuruteraan untuk menjadi hos menyediakan bubur lambuk. Jelas sekali, jabatan ini telah menyahut seruan untuk menyediakan juadah bubur lambuk kali ini.

Sebanyak 8 buah periuk bubur lambuk telah disediakan termasuk 1 buah periuk ialah sayuran sahaja. Penyediaan juadah bubur lambuk ini disediakan untuk dikongsikan bersama anggota polis dan bomba yang merupakan jiran kepada MBPJ.

Tambahan pula, anggota beruniform ini telah memberikan perkhidmatan yang terbaik dan semakin mencabar pada bulan Ramadan ini. Justeru itu, MBPJ berharap agar bubur lambuk ini akan menjadi salah satu juadah hidangan berbuka puasa bersama seluruh ahli keluarga yang lain.

Melalui majlis seumpama ini juga, ia dapat mengeratkan lagi silaturrahim di antara, pihak pengurusan MBPJ dan warga kerjanya. Kakitangan juga bukan sahaja akan diberikan kain batik, kain pelikat dan bubur lambuk malahan bagi kakitangan yang menjadi ahli persatuan kebajikan MBPJ pula akan menerima sumbangan tanda ingatan dari persatuan kebajikan MBPJ. Yang pasti barang yang diberikan ini boleh diguna oleh seisi keluarga.

Pihak majlis juga memberikan ucapan terima kasih kepada seluruh warga kerja MBPJ yang telah memberikan komitmen didalam menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi meskipun di dalam bulan Ramadan.

Di harapkan agar seluruh warga kerja MBPJ akan terus bekerja bekerja dengan tulus ikhlas dan bertanggungjawab dan semoga semua tugas akan sentiasa diberkati dan dirahmati Allah s.w.t dan menjadi amalan ibadah.

Disediakan oleh,

**Sekretariat Media  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: pjcitycouncil,  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

**Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my) atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)**

**Bertarikh : 10 Ogos 2012**